

Jenis Akhbar : Utusan Online

Tarikh : 29/05/2023

Edisi / Muka Surat : <https://utusanv.com/>

Tajuk : Model francais 'Sweet Kocorn' KOGAHAD bantu asnaf miliki perniagaan

## Model francais 'Sweet Kocorn' KOGAHAD bantu asnaf miliki perniagaan



*Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah mengadakan lawatan ke ladang jagung manis KOGAHAD di Kuala Kangsar, Perak, semalam.*

MODEL francais 'Sweet Kocorn' yang dibangunkan Koperasi Gabungan Usahawan Tani Kuala Kangsar Berhad (KOGAHAD) berjaya membantu golongan asnaf untuk memiliki perniagaan sendiri.

Usaha yang direncana KOGAHAD itu mendapat pujian Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah.

Abdul Fattah mengadakan lawatan ke ladang jagung manis KOGAHAD di Kuala Kangsar, Perak, semalam.

Menurut Abdul Fattah, model francais 'Sweet Kocorn' itu diwujudkan KOGAHAD bermula daripada proses tanaman sehingga kepada pengguna akhir.

Beliau berkata, KOGAHAD bukan sahaja mempunyai kepakaran dalam sektor pertanian dan teknologi, malah pengedaran serta tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Koperasi ini juga telah banyak membantu ramai individu golongan asnaf dan berpendapatan rendah melalui latihan dan francais kiosk 'Sweet Kocorn'.

"Saya menggalakkan lebih banyak koperasi menceburkan diri dalam sektor pertanian terutama koperasi belia agar isu keterjaminan makanan dapat diselesaikan sekali gus menjadi inspirasi kepada generasi muda," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sementara itu, Pengerusi KOGAHAD, Muhammad Muizzudin Din memaklumkan, projek tanaman jagung manis jenis *The Hulk* itu baru dimulakan tahun lalu.

Selain jagung manis, beliau berkata, koperasi tersebut turut mengusahakan pelbagai tanaman lain termasuk kacang panjang, timun, sawi, kucai, cili, sawi bunga dan terung di tapak projek berkeluasan 28 ekar di sekitar Kuala Kangsar.

“Asalnya perniagaan ini adalah milik saya sendiri sebelum saya serahkan kepada koperasi.

“Saya merasakan perlu berbuat demikian kerana tanggungjawab untuk berkongsi rezeki selain membantu keluarga yang kurang bernasib baik.

“Melalui francais ‘Sweet Kocorn’, segala kelengkapan untuk membuka kiosk diberikan percuma kepada keluarga yang berpendapatan kurang RM2,000 setiap bulan.

“Mereka hanya perlu menambah stok secara terus daripada kami sahaja. Tiada syarat-syarat lain,” jelasnya.

Setakat ini, lima buah kiosk ‘Sweet Kocorn’ telah diberikan kepada asnaf di Kuala Kangsar. KOGAHAD juga akan bekerjasama dengan Hazza Excellent Center di Ipoh sebagai pusat latihan perniagaan asnaf yang layak untuk model francais ‘Sweet Kocorn’.

Ditanya tentang perancangan masa hadapan, Muhammad Muizzudin berkata KOGAHAD dalam proses untuk membuka sebuah kilang di Kuala Kangsar bagi memproses kernel jagung manis dan membeli jagung daripada peladang-peladang sekitar Perak secara Pertanian Kontrak.